

Korbankan sedikit kepentingan — PM

UM 3 1 AUG 2002

Oleh ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat Malaysia mengorbankan sedikit kepentingan keturunan masing-masing bagi memastikan kemerdekaan yang berasaskan perpaduan antara kaum dapat dikekalkan.

Perdana Menteri berkata, rakyat tidak seharusnya menggadaikan masa depan negara demi kepentingan perkauman yang sempit sedangkan perpaduan merupakan resipi utama keamanan dan kemajuan negara.

“Jika kita bertanggungjawab maka hendaklah kita sanggup berkorban sedikit kepentingan kaum kita dan utamakan kepentingan negara, kepentingan perpaduan warga berbilang kaum yang menjadi bangsa Malaysia.

“Pengorbanan yang diperlukan sedikit sahaja; kita masih Cina, Tamil, Melayu, Kadazan, Iban dan sebagainya tetapi kita juga menjadi lebih berbangsa Malaysia, yang membezakan kita daripada bangsa atau kaum negara asal kita.

“Janganlah kita gadai masa depan kita dan generasi akan datang kerana taksud, fanatik dengan perkara yang sebenarnya remeh berbanding dengan segala-gala yang kita dapati dan nikmati di negara tercinta ini,” kata Perdana Menteri.

Azam

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat memperbaharui azam untuk mempertahankan kebebasan dengan bekerja keras dan membuat pengorbanan bagi menyumbang kepada keamanan, kemajuan dan ketahanan negara sempena Hari Kebangsaan.

Perdana Menteri berkata demikian dalam Perutusan Perdana Menteri Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Ke-45 yang disiarkan oleh televisyen dan radio ke seluruh negara malam ini.

Dr. Mahathir berkata, pada masa ini, pengasingan kaum berlaku secara sengaja di semua peringkat persekolahan di negara ini sehingga mengancam keharmonian kaum.

Beliau berkata, setiap usaha Kerajaan bagi memastikan kejayaan dan memupuk

■ Lihat muka 4

Korbankan sedikit kepentingan — PM

UM 3 1 AUG 2002

perpaduan sesama pelajar termasuk memperkenalkan Sekolah Wawasan dan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris pula dipolitikkan dan dikaitkan dengan isu perkauman.

“Percubaan untuk merapatkan murid sekolah rendah dengan meletak sekolah-sekolah Kebangsaan, Cina dan Tamil dalam satu kampus ditentang oleh puak ekstremis seolah-olah mereka tidak suka anak mereka berdekatan anak kaum lain.

“Cadangan untuk menggunakan bahasa Inggeris hanya untuk menguasai Sains dan Matematik yang begitu penting dikecam kerana kononnya hendak membelakangkan bahasa-bahasa Melayu, Cina dan Tamil.

“Kerajaan hanya berniat untuk melengkapkan rakyat berbilang kaum Malaysia dengan Sains dan Matematik supaya mereka boleh menjayakan diri sendiri dan bersaing dengan bangsa-bangsa lain dalam dunia yang kian mencabar,” kata Dr. Mahathir.

Selain itu, kata beliau, rekod sejak merdeka menunjukkan kerajaan tidak pernah menganiayai atau menindas mana-mana kaum sebaliknya berjaya membangunkan negara ini walau-

pun terpaksa melayan tuntutan oleh berbagai-bagai kaum yang mengamalkan agama, budaya dan bahasa yang berbeza.

“Oleh itu hentikanlah usaha mempolitikkan isu penggunaan bahasa Inggeris untuk mengajar Sains dan Matematik. Janganlah menggadaikan masa depan anak-anak kita kerana kepentingan sempit perkauman,” ujar Dr. Mahathir.

Perdana Menteri berkata, sambutan Hari Kebangsaan diadakan pada setiap tahun bagi menginsaf dan memperingatkan rakyat betapa mereka bernasib baik sebagai bangsa yang merdeka dan bebas untuk mentadbir serta membangunkan negara.

“Yang jelas kita tidak selamat semata-mata kerana kita sudah merdeka (kerana), bahaya penjajahan masih mengancam kita.

“Jika kita tidak berhati-hati, jika kita tidak menghargai kemerdekaan kita, jika kita benar diri kita dihasut oleh mereka sehingga sanggup cuba menjatuhkan pemerintahan negara kita, jangan sesal jika kita dijajah semula,” katanya.

Menurut Perdana Menteri, pengalaman negara menghadapi kemelesetan ekonomi pada tahun 1997 dan 1998 menyebabkan kerajaan

lebih berhati-hati terhadap globalisasi yang boleh dijadikan alat penjajahan oleh kuasa asing.

Katanya, kejayaan Malaysia mengatasi krisis tersebut dengan acuan sendiri memastikan negara ini terus bebas bersuara, berpendirian sendiri, berkecuali dan dapat menangkis tekanan dari luar.

“Kemerdekaan kita adalah kemerdekaan yang sebenarnya dan bukan kemerdekaan setengah masak yang mana dasar negara ditentukan oleh orang asing,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak menolak globalisasi secara menyeluruh tetapi penyertaan pihak asing perlu dibuat secara bersyarat dan mereka tidak boleh berna-harajalela di negara ini.

Jika penglibatan kuasa asing dalam kegiatan ekonomi tidak dikawal, mereka akan menguasai ekonomi dan sehingga membolehkan mereka campur tangan dalam menentukan siapa pemerintah negara serta segala dasar negara.

“Di waktu itu kita sudah tidak merdeka lagi. Di waktu itu kita sudah dijajah semula,” kata Perdana Menteri.